



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENAMBAHBAIKAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

21 DISEMBER 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat komited dalam menambah baik peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) agar lebih efisien dan efektif bagi memastikan institusi berkenaan terus kekal relevan selaras dengan hala tuju kementerian.

Sehubungan itu, KKM telah memperuntukkan sebanyak RM1.42 juta kepada 142 hospital bagi tahun 2024 yang membolehkan panel ALPH untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan aspek penyampaian perkhidmatan dan kebajikan pesakit. Selain itu, sebanyak RM5.1 juta turut diperuntukkan kepada 1,020 klinik kesihatan di bawah KKM bagi tujuan berkaitan.

KKM ingin menegaskan bahawa ALPH berperanan sebagai penghubung antara hospital dengan komuniti di samping mengadakan lawatan ke hospital bagi mengenal pasti dan menangani cabaran yang dihadapi oleh pihak hospital KKM. Selain itu, ALPH menyumbang perkhidmatan kebajikan kepada pesakit dan hospital serta melibatkan diri dalam aktiviti hospital.

DATUK SERI DR HAJI DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
21 Disember 2023